

24/09/2001

Khairul Azri berbakat dalam penyiaran

KEJAYAAN Khairul Azri Sabri, 16, merangkul anugerah pingat perak Golden Kids Club (GKC) banyak dibantu oleh penampilannya terutama dari segi kebolehannya berkomunikasi dan mengemukakan idea bernas.

Lebih membanggakan dia mempamerkan bakat semula jadi dalam bidang penyiaran dan komunikasi sejak berusia 10 tahun menerusi penampilannya sebagai wartawan dalam segmen Golden Kids News.

Setakat ini, anak muda itu sudah mewawancara dua pemimpin terkemuka iaitu Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan.

Ketika ditemui selepas penyampaian Skim Anugerah Ahli GKC oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman di Subang Jaya, Selangor, baru-baru ini, Khairul Azri mengakui keyakinan diri amat penting ketika melakukan wawancara dengan tokoh ternama.

"Sebelum melakukan wawancara saya membuat penyelidikan dan rujukan terlebih dahulu bagi memastikannya bersesuaian dengan perkembangan semasa, bukannya soalan ketinggalan zaman.

"Keyakinan diri juga amat penting kerana elemen ini boleh melancarkan hujah dan tanpa memiliki sifat berkenaan kita gagal mengawal perasaan, sekali gus soalan dikemukakan kurang tepat atau tidak jelas," katanya.

(END)